

Lelaki elak tanggungjawab M/S 20 patut dikenakan hukuman

PENSYARAH Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Dr Mariani Md Nor, berpendapat sudah tiba masanya kerajaan menyelesaikan isu ini secara adil dengan menyediakan sistem yang menghalang lelaki daripada menjadikan wanita tempat memuaskan nafsu.

Katanya, undang-undang sedia ada juga perlu dilaksanakan dengan tegas dan berkesan selain mengguna pakai saluran yang ada sebagai sokongan padu kepada isu ini.

"Kita ada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhamak) dan NGO untuk menyatakan suara dan hak orang ramai mengenai isu berkenaan. Mengapa tidak ada pusat khusus untuk lelaki. Mengapa lelaki terus ghaib dan tiada tindakan dikenakan pada mereka.

"Masyarakat sekarang hanya nampak perempuan saja yang salah. Masalah bertambah kusut apabila masyarakat sendiri pula mencemuhi wanita yang mengandungkan anak luar nikah," katanya.

Beliau berkata, cadangan menubuhkan pusat perlindungan bagi wanita terlanjur sebagai cara menangani masalah pemuangan bayi, mempunyai kebaikan dan keburukan.

Penubuhan pusat itu ternyata dapat membantu wanita menghadapi masalah, tetapi dikhuatiri ia akan menggalakkan remaja terus melakukan perzinaan kerana tahu akan ada pihak yang prihatin terhadap nasib bayi dilahirkan hasil perbuatan zina itu.

Mariani berkata, secara psikologinya, orang ramai akan ada rangsangan melakukan gerak balas apabila menyedari wujud pihak yang bersedia menjadi penyelamat untuk membantu mereka menyelesaikan masalah.

Katanya, perlu ada mekanisme menangani isu berkenaan dengan memberi pendedahan dan kesedaran kepada orang ramai akibat melakukan perbuatan zina yang menjurus kepada berlakunya jenayah pemuangan bayi.

Penyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Kulliyah Sains Kemanusiaan dan Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Prof Fatimah Daud, pula berkata perempuan mengandung boleh memastikan lelaki bertanggungjawab terhadap perbuatannya dengan membuat laporan polis.

Katanya, tindakan boleh dilakukan ahli keluarga serta perempuan yang mengandung disebabkan perbuatan zina jika lelaki berkenaan cuba mengelak daripada bertanggungjawab, dengan membuat laporan bahawa dirinya dirogol.

"Langkah ini boleh diambil terhadap lelaki yang tidak mahu bertanggungjawab kerana perempuan itu tidak akan mengandung jika perbuatan tidak dilakukan bersama. Kenapa perempuan terima hukuman, tetapi lelaki bebas tanpa sebarang tindakan," katanya.

Beliau berkata, dalam kes pemuangan bayi atau mengandung hasil perbuatan zina ini, lelaki dan perempuan terbabit perlu dikenakan tindakan secara adil supaya sama-sama memikul tanggungjawab terhadap perbuatan salah laku mereka.

Beliau berkata, pusat meninggalkan bayi (drop in baby) atau cadangan penubuhan bank bayi yang mendapat bantahan, perlu dinilai semula sebagai jalan penyelesaian jangka pendek sebagai usaha menyelamatkan bayi tidak berdosa dan mengelak perempuan melakukan kesilapan kedua.